



15 Oktober 2014
15 October 2014
P.U. (A) 275

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN AGENSI PELAPORAN KREDIT (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2014

CREDIT REPORTING AGENCIES (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA AGENSI PELAPORAN KREDIT 2010

PERATURAN-PERATURAN AGENSI PELAPORAN KREDIT
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(2)(d) Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 [*Akta 710*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Agensi Pelaporan Kredit (Pengkompaunan Kesalahan) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 16 Oktober 2014.

Kesalahan boleh kompaun

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun.

(2) Kesalahan boleh kompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah membayar kompaun itu dengan menggunakan Borang 3 Jadual Kedua.

Bayaran kompaun

4. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan telah dibuat dan disetujui terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, orang itu hendaklah membuat bayaran kompaun itu sama ada melalui kiriman wang atau draf bank kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”.

(2) Bayaran itu hendaklah diserahkan secara sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang dinyatakan dalam Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

(3) Resit hendaklah dikeluarkan untuk setiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

JADUAL PERTAMA
[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN BOLEH KOMPAUN

Kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 [Akta 710] yang berikut boleh dikompaun:

- (a) seksyen 12;
- (b) seksyen 20;
- (c) seksyen 21;
- (d) seksyen 23;
- (e) seksyen 29;
- (f) seksyen 30;
- (g) seksyen 31;
- (h) seksyen 39; dan
- (i) seksyen 61.

JADUAL KEDUA

BORANG 1

[Subperaturan 2(2)]

KEIZINAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 [*Akta 710*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya,(*nama*)..... dengan ini memberi keizinan untuk mengkompaun(*nama agensi*)..... bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 yang dikatakan dilakukan pada(*tarikh*)..... di(*tempat*).....

Bertarikh hari bulan, 20.....

.....

Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa
Raya